

ALOR SETAR, 29 JULAI (BERNAMA) — TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENINGATKAN MASYARAKAT ISLAM AKAN TERUS BERPECAH BELAH SELAGI PAS TERUS MENYALAHGUNAKAN AGAMA UNTUK KEPENTINGAN POLITIKNYA.

KATANYA, PARTI ITU TELAH MENYALAHAFSIRKAN AGAMA DALAM USAHA MEREKA HENDAK MENDEPATKAN SOKONGAN DALAM PILIHANRAYA LALU.

MENURUTNYA, PADA MASA INI PUN SUDAH TERDAPAT BEBERAPA KUMPULAN DALAM MASYARAKAT ISLAM YANG TERANG-TERANG TELAH MENYELEWENG DARIPADA AJARAN-AJARAN ISLAM YANG SEBENARNYA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BIMBANG SEKIRANYA KEADAAN SEPERTI ITU DIBIARKAN TERUS BERLAKU MASYARAKAT ISLAM AKAN MENJADI LEMAH DAN NEGARA PADA KESELURUHANNYA AKAN HANCUR.

+KITA BUKANLAH MENENTANG PAS TETAPI MENENTANG ORANG-ORANG YANG MENYALAHGUNAKAN AGAMA UNTUK MENCAPAI CITA-CITA POLITIK MEREKA,+ KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR KETIKA BERUCAP KEPADA PENDUDUK-PENDUDUK KAMPUNG PUTAT, 21 BATU DARI SINI.

— BERSAMBUNG 1655/LK

EE

B587:

MAHATHIR 2 ALOR SETAR

BELIAU MENAMBAH, DALAM SEBUAH NEGARA YANG DEMOKRATIK SEPERTI MALAYSIA ADALAH PERLU DIADAKAN BEBERAPA BUAH PARTI POLITIK SUPAYA DAPAT DIADAKAN PERTANDINGAN DALAM PILIHANRAYA-PILIHANRAYA UNTUK MEMILIH WAKIL-WAKIL RAKYAT.

AKAN TETAPI SANGATLAH MENDUKACITAKAN BILA TERDAPAT PARTI POLITIK YANG MENGGUNAKAN TEKTIK-TEKTIK KOTOR SEPERTI MENYALAHGUNAKAN AGAMA SEMATA-MATA UNTUK MENDEPATKAN SOKONGAN RAKYAT, KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR KESAL KERANA TERDAPAT SETENGAH-SETENGAH GURU YANG TELAH MELIBATKAN DIRI SECARA AKTIF DALAM KEMPEN-KEMPEN PILIHANRAYA DAN MEMBUAT BERMACAM TUDUHAN DAN FITNAH TERHADAP PARA PEMIMPIN UMNO DAN BARISAN NASIONAL.

BELIAU LALU MENINGATKAN AHLI-AHLI UMNO SUPAYA JANGAN MENGIKUT JEJAK LANGKAH ORANG-ORANG YANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB SEPERTI ITU ATAUPUN MELAKUKAN PERBUATAN-PERBUATAN JAHAT KERANA ITU HANYA AKAN MEMBAWA AKIBAT BURUK KEPADA MASYARAKAT DAN NEGARA.

+BIARLAH KITA MENJADI ORANG YANG LEBIH BERTANGGUNGJAWAB DAN MELAKSANAKAN TUGAS-TUGAS KITA MENURUT AJARAN ISLAM YANG SEBENARNYA,+ KATA TIMBALAN PERDANA MENTERI.

— BERSAMBUNG 1658/LK

MAHATHIR 3 ALOR SETAR

KEMUDIAN, KETIKA BERUCAP KEPADA KIRA-KIRA 3,000 ORANG PENDUDUK DI KAMPUNG MERIBUT, 24 BATU DARI SINI, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, PARA PEMIMPIN PAS SENTIASA HIDUP DALAM KHAYALAN.

KATANYA, MEREKA ITU MENGKHAYALKAN MENGENAI BERBAGAI PERKARA DAN RANCANGAN TETAPI TIDAK PERNAH MAHU MENERIMA KENYATAAN.

MENURUTNYA, PAS TERUS MENERUS TIDAK MAHU MENGAKUI TENTANG FAEDAH YANG DIDAPATI HASIL DARIPADA PEMBANGUNAN DAN KEMAJUAN YANG DILAKSANAKAN OLEH KERAJAAN BARISAN NASIONAL.

+TETAPI BAGI KITA, KITA AKAN TERUS BERUSAHA DENGAN SEDAYA UPAYA UNTUK MELAKSANAKAN SEBERAPA BANYAK PROJEK PEMBANGUNAN YANG BOLEH MENGIKUT KEMAMPUAN KITA UNTUK FAEDAH RAKYAT,+ TEGAS DATUK SERI DR. MAHATHIR.

BELIAU BERHARAP GENERASI MUDA TIDAK AKAN MUDAH TERPENGARUH DENGAN PROPAGANDA PAS YANG SEMATA-MATA BERTUJUAN HENDAK MENDEPATKAN SOKONGAN RAKYAT BAGI KEPENTINGAN PARA PEMIMPIN PARTI ITU.

— BERNAMA, 1701/LK